Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2025, Volume 10, Issue 1, e003194
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i1.3194

RESEARCH ARTICLE

Kesediaan dan Keberkesan Pembelajaran Berbalik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

(Readiness and Effectiveness of the Flipped Learning in the Teaching and Learning of History Subject)

Ameza Musa[1*], Anuar Ahmad[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: ameza5258@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: anuarmd@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Ameza Musa
(ameza5258@gmail.com)

KATA KUNCI:
Kesediaan
Mata pelajaran Sejarah
Pembelajaran berbalik

KEYWORDS:
Flipped learning
History subject
Readiness

CITATION:
Ameza Musa, & Anuar Ahmad. (2025). Kesediaan dan Keberkesan Pembelajaran Berbalik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 10*(1), e003194. https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i1.3194

ABSTRAK

Pada abad ke-21, bidang pendidikan seharusnya memanfaatkan teknologi secara maksimum. Contohnya, pembelajaran berbalik dapat dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang sesuai. Namun begitu, berdasarkan kajian lepas, persoalan timbul apabila terdapat murid yang menghadapi kekangan dalam memberikan komitmen kepada pembelajaran berbalik. Walaupun pembelajaran berbalik berpotensi meningkatkan prestasi akademik, terdapat murid yang masih memilih kaedah tradisional. Selain itu, kajian terhadap pembelajaran berbalik dalam mata pelajaran Sejarah adalah terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai hubungan antara kesediaan murid terhadap pendekatan pembelajaran berbalik dan prestasi akademik mereka dalam mata pelajaran Sejarah. Reka bentuk yang dipilih ialah kuasi-eksperimen. Kajian ini melibatkan 60 murid Tingkatan 2 yang dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan melalui persampelan rawak berkelompok. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik dan ujian pra-pasca. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29.0 dengan ujian-t dan korelasi Pearson. Dapatan menunjukkan pembelajaran berbalik meningkatkan pencapaian murid dalam kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Namun, tidak terdapat hubungan signifikan antara kesediaan murid dan pencapaian akademik mereka. Cadangan bagi kajian akan datang ialah mengenal pasti faktor lain yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran berbalik, seperti motivasi pelajar, sokongan guru, dan penggunaan teknologi dalam tempoh masa tertentu yang lebih berstruktur.

ABSTRACT

In the 21st century, the field of education should fully leverage technology. For instance, flipped learning can be

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

conducted anytime and anywhere that is convenient. However, based on previous studies, challenges arise as some students face constraints in committing to flipped learning. Although flipped learning has the potential to improve academic performance, some students still prefer traditional methods. Furthermore, studies on flipped learning in History subjects are limited. Therefore, this study aims to evaluate the relationship between students' readiness for the flipped learning approach and their academic performance in the History subject. The chosen research design is quasi-experimental. The study involved 60 Form 2 students who were divided into control and treatment groups through cluster random sampling. The research instruments consisted of questionnaires and pre-post tests. Data were analyzed using SPSS version 29.0 through t-tests and Pearson correlation. The findings indicate that flipped learning improved the academic achievement of students in the treatment group compared to the control group. However, there was no significant relationship between students' readiness and their academic performance. Future research is recommended to identify other factors influencing the effectiveness of flipped learning, such as student motivation, teacher support, and the structured use of technology over a specific time frame.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan menilai hubungan antara kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik dan prestasi akademik dalam mata pelajaran Sejarah, yang jarang diterokai. Kajian ini menggunakan kaedah kuasi-eksperimen, yang membolehkan perbandingan sistematik antara kumpulan kawalan dan rawatan, untuk membuktikan keberkesanan pembelajaran berbalik dalam meningkatkan pencapaian akademik murid.


1. Pengenalan

Pengaplikasian pembelajaran berbalik di seluruh dunia menunjukkan potensi besar dalam meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelaksanaan pembelajaran berbalik bukan sahaja memberikan kefahaman yang jelas tentang apa yang dipelajari, malah menyediakan peluang kepada guru untuk menggunakan masa secara efektif dengan melaksanakan pelbagai aktiviti PdP yang sesuai dengan keperluan murid (Bergmann & Sams, 2019; O'Flaherty & Phillips, 2019). Kelebihan yang diperoleh daripada pembelajaran berbalik menjadikan pendidikan lebih terbuka, cekap, dan memberi peluang kepada murid untuk mencapai potensi mereka (Abdullah & Idris, 2019; Nuriyah, 2023). Selain itu, gabungan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dilihat sebagai satu strategi yang sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Anjakan Ke-7, iaitu untuk memanfaatkan ICT dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan pembelajaran. Namun, pendekatan ini berdepan pelbagai cabaran. Antaranya, murid tidak mampu memberikan komitmen bagi memastikan pendekatan ini berjalan lancar walaupun keberkesanannya telah terbukti (Abdullah & Idris, 2019). Kajian oleh Mohsin et al. (2021) pula mendapati bahawa murid-murid lebih menggemari kaedah tradisional berbanding kaedah pembelajaran berbalik.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Di samping itu, kajian mengenai kesediaan dan keberkesanan pembelajaran berbalik dalam mata pelajaran Sejarah, khususnya di peringkat sekolah menengah, kurang diberi perhatian berbanding mata pelajaran STEM (Lo & Hew, 2021; Mokhtar & Zubairi, 2020). Kajian terdahulu juga mendapati bahawa murid tidak bersedia dan lebih selesa dengan pembelajaran tradisional dalam PdP. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada mata pelajaran Sejarah melalui kajian bertajuk Hubungan Kesediaan Murid terhadap Pembelajaran Berbalik dalam Meningkatkan Prestasi Mata Pelajaran Sejarah. Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian yang melibatkan tiga konstruk berdasarkan Model KAP (*Knowledge, Attitude, and Practices*), merangkumi pengetahuan, sikap, dan amalan (Muda et al., 2023). Kajian seperti ini masih boleh dilaksanakan walaupun terdapat jurang antara apa yang dirancang dengan apa yang dilaksanakan.

Rajah 1 : Kerangka Konseptual Berpandu Model KAP



1.1. Objektif Kajian

i. Mengenal pasti tahap kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
ii. Membandingkan skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan.
iii. Menganalisis hubungan antara kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik dan pencapaian kumpulan rawatan

Hipotesis kajian ialah tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan murid dan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Sejarah.

2. Sorotan literatur

2.1. Pembelajaran tradisional dan pembelajaran berbalik

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) tradisional merujuk kepada pendekatan konvensional di mana guru mempunyai autoriti dan kawalan sepenuhnya ke atas persekitaran pembelajaran. Lazimnya, kaedah ini menekankan teknik ceramah, hafalan, serta penggunaan papan putih. Perubahan teknologi telah membawa kepada penggunaan *PowerPoint* dan projektor dalam PdP. Walau bagaimanapun, ini masih dianggap sebagai pembelajaran tradisional apabila guru menggunakan teknologi tersebut hanya untuk menyampaikan pembelajaran, manakala pelajar bertindak sebagai pendengar dan mencatat maklumat daripada pembentangan guru (Paramita & Yenshart, 2020). Namun, penggunaan *PowerPoint* boleh menjadi pembelajaran yang lebih dinamik dan berteraskan pembelajaran abad ke-21 apabila diaplikasikan dalam pembelajaran berbalik. Guru boleh menyediakan bahan PowerPoint yang boleh diakses oleh murid sebelum kelas bermula. Penggabungan *PowerPoint* dengan aktiviti lain yang bersesuaian dapat mengubah PdP tradisional kepada PdP masa kini yang menyokong keperluan pembelajaran abad ke-21.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Pembelajaran berbalik merupakan kaedah pembelajaran yang membolehkan murid mempelajari kandungan pelajaran secara kendiri sebelum sesi PdP berlangsung. Kajian oleh Kaviza (2019) mendapati bahawa pembelajaran berbalik dapat meningkatkan kemahiran berfikir kritis dengan lebih berkesan. Pemahaman yang jelas mengenai pembelajaran berbalik dapat membantu murid menyedari tanggungjawab mereka untuk berdikari, memahami bahan pembelajaran terlebih dahulu, dan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Keberkesanan pembelajaran berbalik sangat bergantung kepada daya pembelajaran kendiri seorang murid (Ainullah et al., 2021). Sekiranya murid mampu memberikan komitmen dengan mengkaji bahan pembelajaran terlebih dahulu, maka pelaksanaan pembelajaran berbalik telah berjaya dicapai. Persediaan murid untuk kaedah pembelajaran berbalik adalah sangat penting dalam memastikan keberkesanan pendekatan ini. Jadual 1, menunjukkan perbandingan antara pembelajaran tradisional dan pembelajaran berbalik secara ringkas.

Jadual 1: Perbezaan pembelajaran tradisional dan pembelajaran berbalik

Aspek	Pembelajaran tradisional	Pembelajaran berbalik
Fokus Pembelajaran	Guru menyampaikan maklumat di kelas, murid mendengar.	Murid belajar secara kendiri sebelum kelas.
Peranan Guru	Penyampai maklumat utama.	Fasilitator yang membimbing aktiviti kelas.
Peranan Murid	Pasif, mendengar dan mencatat.	Aktif, berdikari dan terlibat dalam kelas.
Interaksi dalam Kelas	Terhad kepada ceramah dan soal jawab.	Perbincangan, aktiviti kumpulan, dan refleksi.
Hasil Pembelajaran	Bergantung kepada hafalan dan nota.	Pemahaman mendalam melalui aktiviti interaktif.

2.2. Pengetahuan Murid Terhadap Pembelajaran Berbalik

Pemahaman yang jelas mengenai konsep pembelajaran berbalik adalah sangat penting kerana murid perlu sedar bahawa tanggungjawab mereka bermula sebelum sesi PdP. Konsep pembelajaran berbalik menggalakkan murid menjadi lebih berdikari dalam pembelajaran mereka (Putri et al., 2022). Sebaliknya, murid yang tidak memahami konsep pembelajaran berbalik mungkin menganggap bahawa mereka tidak perlu membuat persiapan sebelum kelas atau menyangka pembelajaran berbalik hanya melibatkan menonton video atau membaca maklumat yang diberikan guru tanpa pemahaman yang mendalam. Murid juga mungkin mengabaikan bahan-bahan pembelajaran yang disediakan sebelum kelas (Anugrah & Moch, 2021). Tanpa pemahaman yang jelas mengenai pembelajaran berbalik, murid tidak menyedari kepentingan penglibatan secara aktif di dalam kelas. Mereka mungkin kurang bersedia untuk melakukan perbincangan atau bekerjasama dalam kumpulan semasa sesi pembelajaran di kelas.

2.3. Sikap Murid Terhadap Pembelajaran Berbalik

Murid yang mempunyai sikap positif cenderung bermotivasi untuk membuat persediaan sebelum kelas. Perubahan sikap murid bergantung pada kemampuan mereka meningkatkan keupayaan menggunakan pembelajaran berbalik (Yusof & Maat, 2020). Selain itu, kejayaan pembelajaran berbalik turut dipengaruhi oleh kebolehan murid mengurus masa dan belajar secara berdikari. Sebaliknya, murid yang mempunyai sikap negatif terhadap pembelajaran berbalik mungkin tidak bermotivasi untuk membuat

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

persediaan sebelum kelas. Mereka mungkin menganggap bahan yang disampaikan oleh guru di luar kelas sebagai beban (Litster et al., 2020). Jika murid mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran berbalik, motivasi untuk membuat persediaan sebelum kelas akan meningkat. Namun, hasil kajian menunjukkan sebaliknya. Jika murid tidak bermotivasi atau tidak biasa dengan pembelajaran berbalik, mereka mungkin kurang bersedia atau kurang terlibat dalam perbincangan di dalam kelas (Houstan, 2020; Ibrahim et al., 2021).

2.4. Amalan Murid Terhadap Pembelajaran Berbalik


Sikap positif murid terhadap pembelajaran merupakan salah satu kunci keberkesanan pembelajaran berbalik. Sikap positif termasuk keinginan untuk belajar, kesedaran akan kepentingan pembelajaran di luar kelas, serta komitmen untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Apabila murid mampu menyusun jadual belajar di rumah, mereka akan melaksanakan tugasan yang diberikan seperti menonton video pembelajaran atau membaca bahan sebelum kelas. Antara amalan yang boleh dilakukan ialah menyediakan ruang belajar yang kondusif. Pastikan semua peralatan yang diperlukan, seperti komputer, buku, dan alat tulis, tersedia untuk digunakan. Selain itu, amat digalakkan murid membaca atau menonton bahan lebih daripada sekali untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam. Langkah seterusnya ialah mencatat isi penting serta menandakan bahagian penting dalam teks atau video untuk rujukan akan datang. Murid juga disarankan mencatat soalan atau perkara yang kurang difahami untuk dibincangkan di dalam kelas. Pembelajaran kendiri murid sangat mempengaruhi keberkesanan pembelajaran berbalik (Ainullah et al., 2021).

3. Metod Kajian

3.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi-eksperimen. Pemilihan reka bentuk ini membolehkan keputusan dilakukan dengan melihat perbezaan ujian pra dan ujian pasca (Shaari 2022). Dalam reka bentuk ini, kumpulan rawatan menerima intervensi manakala kumpulan kawalan tidak. Rajah 2 menunjukkan reka bentuk kuasi eksperimen yang dijalankan.

Rajah 2: Reka Bentuk kuasi eksperimen (Shaari, 2022)



Sumber: Diadaptasi daripada Shaari (2022)

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 2 memperincikan modul pembelajaran pembelajaran berbalik bagi tajuk Kesultanan Melayu Melaka yang melibatkan lapan kali pertemuan dan dibahagikan kepada tiga fasa iaitu sebelum, semasa, dan selepas kelas.

Jadual 2: Modul pembelajaran berbalik

Sesi	Fasa sebelum kelas	Fasa semasa kelas	Fasa selepas kelas
1	Menonton video pengenalan Kesultanan Melayu Melaka.	Perbincangan mengenai sejarah awal Melaka.	Kuiz ringkas dalam talian.
2	Membaca nota digital: Struktur pemerintahan.	Aktiviti kumpulan: Mencipta carta organisasi pemerintahan.	Refleksi bertulis tentang peranan pemerintah Melaka.
3	Kuiz dalam talian: Tokoh utama Kesultanan Melaka.	Aktiviti peranan: Simulasi watak-watak dalam pemerintahan.	Menyediakan peta minda individu.
4	Menonton dokumentari: Perdagangan di Melaka.	Membuat peta perdagangan interaktif.	Tulis esei pendek mengenai faktor kejayaan perdagangan.
5	Membaca artikel: Sistem pentadbiran dan undang-undang Melaka.	Aktiviti debat: Sistem undang-undang Melaka.	Kajian kes: Contoh undang-undang Melaka dalam kehidupan.
6	Menjawab soalan panduan tentang budaya dan agama di Melaka.	Diskusi panel: Pengaruh agama dalam kehidupan rakyat Melaka.	Membuat video pendek tentang pengaruh agama di Melaka.
7	Melayari laman web: Hubungan diplomatik Melaka.	Projek kumpulan: Lakonan hubungan diplomatik Melaka.	Penilaian individu tentang pentingnya diplomasi.
8	Menonton video rumusan: Kejatuhan Melaka.	Perbincangan: Pengajaran dari kejatuhan Melaka.	Refleksi keseluruhan melalui esei bertema.

3.2. Sampel dan Kaedah Persampelan

Sampel terdiri daripada pelajar Tingkatan 2, yang merangkumi dua kelas: kumpulan kawalan (N = 30) dan kumpulan rawatan (N = 30). Saiz sampel sebanyak 30 orang bagi setiap kumpulan adalah mencukupi untuk mendapatkan analisis data statistik yang kukuh (Piaw, 2020). Kedua-dua kumpulan ini terdiri daripada murid Kelas Seliaan Negeri, yang terpilih berdasarkan pencapaian akademik mereka melalui ujian sebelum memasuki Tingkatan 1. Kaedah persampelan rawak berkelompok digunakan untuk meningkatkan kesahan kajian. Oleh itu, bilangan murid dari kelas berkenaan tidak diubah. Penetapan kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan juga dilakukan bagi memastikan kesahan kajian (Shaari, 2022).

3.3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data merangkumi soal selidik dan dua set soalan ujian. Soal selidik mengandungi tiga konstruk utama, iaitu pengetahuan, sikap, dan amalan. Item untuk konstruk pengetahuan dan sikap diadaptasi daripada kajian Ibrahim et al. (2021), manakala item bagi konstruk amalan diadaptasi daripada kajian Mohsin et al. (2021).

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Setiap konstruk terdiri daripada 10 item dan menggunakan skala Likert lima titik untuk mengukur persepsi responden terhadap konstruk yang dikaji. Skala lima titik dipilih kerana lebih mudah difahami oleh responden dan dapat mengurangkan kekeliruan berbanding skala tujuh atau sepuluh titik, terutama apabila melibatkan murid sekolah sebagai sampel kajian (Piaw, 2020). Set soalan A dan B pula mengandungi 40 soalan objektif aneka pilihan yang sama, tetapi disusun dengan kedudukan berbeza untuk mengurangkan kesan hafalan dalam kalangan responden. Set soalan ini digubal berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) dengan nisbah 3:5:2. Nisbah ini merujuk kepada 3 soalan mudah, 5 soalan sederhana, dan 2 soalan sukar, bagi memastikan instrumen tersebut meliputi pelbagai aras kesukaran mengikut domain taksonomi pembelajaran. Item untuk set soalan A dan B telah disemak oleh seorang Ketua Panitia yang juga merupakan penggubal soalan peringkat negeri bagi mata pelajaran Sejarah serta penanda kertas peperiksaan SPM. Soalan-soalan tersebut diambil daripada tajuk Kesultanan Melayu Melaka.

3.4. Kaedah Kutipan Data

Ujian pra diberikan kepada kedua-dua kumpulan untuk mengukur tahap pencapaian awal dalam mata pelajaran Sejarah sebelum intervensi dilaksanakan. Soalan ujian pra diambil daripada Set A dan Set B, dan kedua-dua kumpulan diberi masa satu jam untuk menjawab soalan aneka pilihan tersebut sebelum sesi PdP bertajuk Kesultanan Melayu Melaka. Seterusnya, kumpulan rawatan mengikuti modul seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2, manakala kumpulan kawalan meneruskan kaedah pengajaran tradisional. Selepas tempoh intervensi tamat, ujian pasca diberikan kepada kedua-dua kumpulan untuk menilai perubahan dalam pencapaian mereka. Selain itu, kedua-dua kumpulan turut diberikan borang soal selidik bercetak untuk mengumpul data mengenai kesediaan mereka terhadap pembelajaran berbalik. Semua data yang diperoleh kemudian dianalisis untuk mengenal pasti tahap kesediaan dan membandingkan keberkesanan pembelajaran berbalik terhadap pencapaian murid.

3.5. Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh daripada soal selidik dan ujian dianalisis menggunakan perisian SPSS 29.0. Analisis melibatkan Statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai. Manakala, Ujian-t sampel bebas, untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan signifikan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan. Seterusnya, ujian korelasi Pearson, untuk menganalisis hubungan antara tahap kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik dan prestasi pembelajaran Sejarah, serta menentukan kekuatan dan arah hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

3.6. Interpretasi Skor Min

Interpretasi skor min digunakan untuk memahami tahap persepsi, pengetahuan, sikap, dan amalan responden terhadap konstruk kajian. Skor min diklasifikasikan kepada beberapa kategori bagi memudahkan pentafsiran data, seperti tahap rendah, sederhana, dan tinggi. Menurut Chua (2021), interpretasi skor min membantu penyelidik mengenal pasti pola data secara deskriptif sebelum melanjutkan kepada analisis inferensi. Jadual 3 menunjukkan kategori dan julat skor yang digunakan untuk interpretasi data. Jadual ini dijadikan rujukan bagi mentafsir skor min dalam kajian ini.

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 3: Jadual Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Chua (2021)

4. Hasil Kajian

4.1. Analisis latar belakang responden

Berdasarkan Jadual 4, kumpulan kawalan terdiri daripada 33% lelaki dan 67% perempuan. Manakala kumpulan rawatan mempunyai 77% lelaki dan 23% perempuan. Selain itu, semua responden dalam kumpulan kawalan adalah berbangsa Melayu. Bagi kumpulan rawatan, 80% adalah berbangsa Melayu, 17% berbangsa India, dan 3% terdiri daripada lain-lain bangsa.

Jadual 4: latar belakang responden

		Kumpulan kawalan		Kumpulan rawatan	
		Jumlah (Bilangan)	Peratus (%)	Jumlah (Bilangan)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	10	33	23	77
	Perempuan	20	67	7	23
Kaum	Melayu	30	100	24	80
	Cina	0	0	0	0
	India	0	0	5	17
	Lain-lain	0	0	1	3
Jumlah		30	100	30	100

4.2. Ujian normaliti

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis normaliti Skewness dan Kurtosis. Min dan median bagi semua konstruk hampir sama, menandakan taburan data adalah simetri. Bagi konstruk pengetahuan, purata ialah 4.0450 dengan nilai skewness -0.325 dan kurtosis -0.258, menunjukkan sedikit kecondongan ke kiri dan bentuk taburan yang mendatar. Konstruk sikap mempunyai purata 4.0267, nilai skewness 0.032, dan kurtosis 0.167, menunjukkan taburan hampir simetri dan normal. Konstruk amalan menunjukkan purata 4.0433 dengan nilai skewness 0.072 dan kurtosis -0.399, juga menandakan taburan yang hampir normal. Bagi ujian pra, purata ialah 68.77, skewness -0.093, dan kurtosis 0.087, manakala ujian pasca mempunyai purata 78.90, skewness 0.058, dan kurtosis -0.997. Nilai-nilai ini menunjukkan taburan data adalah hampir normal untuk semua konstruk dan ujian.

Jadual 5: Analisis Normaliti skewness dan kurtosis

Konstruk		Statistik	Ralat Piawai (Std Error)
Pengetahuan	Min	4.0450	0.03980
	Median	4.0000	
	Skewness	-0.325	

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

	Kurtosis	-0.258	
Sikap	Min	4.0267	0.02709
	Median	4.0000	
	Skewness	0.032	
	Kurtosis	0.167	
Amalan	Min	4.0433	0.03227
	Median	4.0000	
	Skewness	0.072	
	Kurtosis	-0.399	
Ujian Pra	Min	68.77	0.716
	Median	69.00	
	Skewness	-0.093	
	Kurtosis	0.087	
Ujian Pasca	Min	78.90	1.048
	Median	79.00	
	Skewness	0.058	
	Kurtosis	-0.997	

4.3. Analisis statistik inferens

4.3.1. Perbezaan tahap kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik bagi kumpulan kawalan dan kumpulan kawalan

Jadual 6 menunjukkan bahawa tahap kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik adalah tinggi bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan berdasarkan skor min keseluruhan, iaitu 4.0422 (kawalan) dan 4.0344 (rawatan). Dari segi konstruk pengetahuan, kedua-dua kumpulan mencatatkan skor min yang tinggi, masing-masing 4.0333 (kawalan) dan 4.0567 (rawatan). Bagi konstruk sikap, kumpulan kawalan memperoleh skor min sederhana tinggi (4.0033), manakala kumpulan rawatan mencatatkan tahap tinggi (4.0500). Konstruk amalan menunjukkan perbezaan, di mana kumpulan kawalan mencatat skor min tinggi (4.0900), manakala kumpulan rawatan berada pada tahap sederhana tinggi (3.9967). Secara keseluruhan, tahap kesediaan murid dalam pembelajaran berbalik adalah konsisten tinggi, dengan perbezaan kecil antara kumpulan kawalan dan rawatan bagi beberapa konstruk.

Jadual 6: Tahap kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik

	Konstruk	Kumpulan	Bil	Skor min	Sisihan piawai	Interpretasi skor min
	Pengetahuan	Kawalan	30	4.0333	0.28567	Tinggi
		Rawatan	30	4.0567	0.33392	Tinggi
	Sikap	Kawalan	30	4.0033	0.22967	Sederhana Tinggi
		Rawatan	30	4.0500	0.18892	Tinggi
	Amalan	Kawalan	30	4.0900	0.26307	Tinggi
		Rawatan	30	3.9967	0.23116	Sederhana Tinggi
Pemboleh ubah	Kesediaan	Kawalan	30	4.0422	0.15361	Tinggi
		Rawatan	30	4.0344	0.16963	Tinggi

Nota : Penggunaan skala lima titik

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.3.2. Perbezaan skor min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan kawalan

Jadual 7 menunjukkan bahawa skor min ujian pra bagi kumpulan kawalan dan rawatan adalah sama, iaitu 68.87, dengan sisihan piawai masing-masing 5.104 dan 6.048. Nilai-t bagi ujian pra menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan secara statistik antara kedua-dua kumpulan (Sig. = 0.890). Namun, selepas intervensi, terdapat peningkatan skor min ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan, iaitu 74.77 untuk kumpulan kawalan dan 83.03 untuk kumpulan rawatan. Sisihan piawai masing-masing adalah 7.035 dan 7.015. Analisis nilai-t menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistik antara kumpulan kawalan dan rawatan dalam ujian pasca (Sig. = 0.000). Ini menunjukkan intervensi yang dijalankan memberi kesan positif yang ketara kepada kumpulan rawatan.

Jadual 7: Perbandingan Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca

	Kumpulan	**N**	**Min**	**Sisihan Piawai**	**t**	**Sig. (2-hujung)**
Ujian Pra	Kawalan	30	68.87	5.104	58	0.890
	Rawatan	30	68.87	6.048	56.407	0.890
Ujian	Kawalan	30	74.77	7.035	- 4.558	0.000
Pasca	Rawatan	30	83.03	7.015	- 4.558	0.000

4.3.3. Hubungan kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik dengan prestasi pembelajaran Sejarah

Jadual 8 menunjukkan hubungan antara kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik dengan skor ujian pasca adalah positif tetapi lemah dengan nilai korelasi Pearson (r) = 0.315. Walau bagaimanapun, hubungan ini tidak signifikan secara statistik pada aras signifikan 0.05, kerana nilai p = 0.090. Ini menunjukkan bahawa kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian skor ujian pasca dalam sampel yang dikaji.

Jadual 8: Analisis kolerasi min kesediaan murid dengan min markah ujian pasca kumpulan rawatan

Pembolehubah	**Min**	**Sisihan piawai**	**Pearson r**	***p***
Kesediaan	4.0344	0.16963	0.315	0.90
Pencapaian (ujian pasca)	83.03	7.015		

Nota : Hubungan yang signifikan pada p < 0.05

Berdasarkan ujian kolerasi pearson hipotesis, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan dan pencapaian murid dalam mata pelajaran sejarah gagal ditolak

5. Perbincangan

5.1. Tahap Kesediaan Murid terhadap Pendekatan Pembelajaran Berbalik dalam Mata Pelajaran Sejarah

Kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik dalam mata pelajaran Sejarah berada pada tahap tinggi, merangkumi konstruk pengetahuan, sikap, dan amalan. Ini memberi gambaran bahawa murid bersedia mempersiapkan diri untuk lebih berdikari dalam proses PdP, selaras dengan teori konstruktivisme. Pernyataan ini disokong oleh dapatan

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang menunjukkan murid yang lebih berpengetahuan mengenai pembelajaran berbalik lebih memahami kandungan pembelajaran (Kaviza, 2018). Selain itu, murid menunjukkan sikap positif dengan memberi perhatian untuk menyiapkan tugasan serta lebih bersemangat menggunakan teknologi sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran (Shanmuganathan & Ahmad, 2023). Dapatan kajian ini selari dengan kajian terdahulu oleh Nuriyah (2023) yang mendapati sikap murid terhadap pembelajaran berbalik adalah positif. Hal ini menunjukkan pendekatan ini juga sesuai untuk mata pelajaran lain. Tambahan pula, Aljaraideh (2019) melaporkan bahawa persepsi pelajar terhadap pembelajaran berbalik di universiti Jordan adalah tinggi, dengan perbezaan jantina menunjukkan pelajar lelaki lebih menerima model ini. Walaupun konteksnya berbeza, hasil ini menekankan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran berbalik.

5.2. Keberkesanan Pembelajaran Berbalik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah

Pembelajaran berbalik mempunyai kesan positif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Ini dibuktikan dengan tiada perbezaan signifikan skor ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan (Yap & Yasin, 2019; Loh & Ahmad, 2022). Walau bagaimanapun, ujian pasca menunjukkan kumpulan rawatan mencatatkan pencapaian yang lebih tinggi selepas menggunakan pembelajaran berbalik berbanding kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah pembelajaran tradisional. Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa pencapaian kumpulan rawatan lebih baik berbanding kumpulan kawalan (Kaviza, 2019; Loh & Ahmad, 2022). Ini disebabkan oleh penglibatan aktif kumpulan rawatan dalam PdP semasa di dalam dan di luar bilik darjah, sejajar dengan pendekatan pembelajaran berbalik. Secara tidak langsung, pendekatan ini mengoptimumkan masa pembelajaran untuk meningkatkan prestasi murid (Yap & Yasin, 2019). Tambahan pula, murid yang menyelesaikan tugasan terlebih dahulu di rumah lebih bersedia untuk pembelajaran seterusnya (Shanmuganathan & Ahmad, 2023). Namun begitu, keberkesanan pendekatan ini mungkin bergantung kepada aktiviti pembelajaran dan penggunaan teknologi. Sebagai contoh, kajian terdahulu oleh Yap dan Yasin (2019) menunjukkan bahawa walaupun pembelajaran berbalik meningkatkan penglibatan murid, tiada hubungan signifikan ditemukan antara keterlibatan murid dengan pencapaian dalam pembelajaran Bahasa Jerman. Hal ini menunjukkan bahawa faktor lain turut mempengaruhi pencapaian akademik.

5.3. Hubungan antara Kesediaan dan Pencapaian Murid menggunakan Pembelajaran Berbalik dalam PdP Sejarah

Keputusan kajian yang menunjukkan tiada hubungan antara kesediaan dan pencapaian murid menggunakan pembelajaran berbalik dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah memberikan beberapa implikasi penting. Dapatan ini mungkin mencerminkan bahawa faktor kesediaan murid bukanlah satu-satunya elemen yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran berbalik. Kajian terdahulu seperti yang dilaporkan oleh Abeysekera dan Dawson (2015) menekankan bahawa faktor lain seperti reka bentuk pedagogi, sokongan guru, dan akses kepada teknologi memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran berbalik. Selain itu, pencapaian murid dalam PdP Sejarah melalui pembelajaran berbalik mungkin lebih bergantung kepada kualiti bahan pembelajaran, tahap bimbingan guru, dan persekitaran pembelajaran yang kondusif berbanding tahap kesediaan murid itu sendiri. Sebagai contoh, kajian oleh Lo dan Hew (2021) mendapati bahawa interaksi murid dengan bahan video dan aktiviti kelas yang dirancang dengan teliti adalah faktor kritikal yang menyumbang kepada pencapaian

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

murid. Oleh itu, kajian lanjut diperlukan untuk meneroka faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi hubungan antara kesediaan dan pencapaian murid dalam pembelajaran berbalik. Kajian masa depan boleh memberi tumpuan kepada aspek motivasi, strategi pembelajaran kendiri, dan sokongan rakan sebaya untuk memberikan gambaran lebih menyeluruh terhadap dinamik pembelajaran berbalik dalam PdP Sejarah.

6. Implikasi Kajian

Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran berbalik memberikan kesan positif terhadap pencapaian akademik melalui ujian pra dan ujian pasca. Penemuan ini menyokong hasil kajian terdahulu. Kelebihan kajian ini ialah penggunaan reka bentuk kajian kuasi-eksperimen yang sistematik untuk membuat perbandingan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Namun demikian, kajian ini menunjukkan tiada hubungan signifikan antara kesediaan pelajar dengan keberkesanan pembelajaran berbalik. Dapatan ini mungkin berpunca daripada kaedah pengukuran secara kuantitatif yang memerlukan sampel lebih besar (Shaari, 2022). Berdasarkan dapatan kajian, guru disarankan untuk memberi tumpuan kepada reka bentuk aktiviti PdP dalam kelas seperti aktiviti kolaboratif dan bimbingan berstruktur berbanding menekankan kesediaan sebelum kelas semata-mata. Kajian ini mengetengahkan bahawa keberkesanan pembelajaran berbalik boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti pedagogi yang dilaksanakan guru, penggunaan teknologi, dan tahap penglibatan murid semasa aktiviti kelas. Kajian ini membuka peluang untuk membangunkan strategi baharu seperti penggunaan gamifikasi atau video interaktif dalam penyampaian bahan sebelum kelas.

7. Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan populasi dan sampel lebih besar yang terdiri daripada demografi dan lokasi yang berbeza. Sebagai contoh, kajian yang melibatkan murid daripada latar belakang berbeza dapat melihat kesan pembelajaran berbalik secara menyeluruh. Kajian yang melibatkan kawasan luar bandar juga dapat membantu memahami cabaran dan keberkesanan pendekatan ini dalam konteks yang berbeza (Erdogan & Akbaba, 2018). Selain itu, kajian longitudinal yang dilakukan secara berulang terhadap kumpulan yang sama disarankan untuk menilai keberkesanan jangka panjang pembelajaran berbalik terhadap pencapaian akademik, motivasi pembelajaran, dan kemahiran abad ke-21 seperti komunikasi dan pemikiran kritis (Bahador et al., 2019). Hal ini seterusnya memberikan gambaran lebih jelas tentang keberkesanan sebenar kaedah ini. Kajian lanjut juga boleh menilai hubungan antara sokongan pentadbir sekolah, latihan atau program yang dijalani guru dengan kesediaan guru untuk melaksanakan pendekatan pembelajaran berbalik. Di samping itu, kajian boleh menilai faktor-faktor lain seperti budaya sekolah, sokongan rakan sebaya, dan pandangan murid terhadap pendekatan ini untuk memahami kesan yang lebih menyeluruh (Masri & Mahamod, 2020).

8. Kesimpulan

Kajian ini telah menilai kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik, keberkesanan serta hubungan antara kesediaan murid terhadap pembelajaran berbalik dengan pencapaian mereka. Analisis mendapati pembelajaran berbalik berjaya meningkatkan pencapaian akademik murid dalam kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati tiada hubungan signifikan antara kesediaan murid dengan pencapaian mereka. Oleh itu, adalah dicadangkan untuk meneroka faktor

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

lain yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran berbalik seperti aktiviti PdP, sokongan pentadbiran sekolah, dan akses kepada teknologi. Namun begitu, dapatan kajian mungkin tidak menggambarkan keadaan sebenar kerana limitasi kajian, termasuk saiz sampel kecil, hanya melibatkan murid tingkatan dua, fokus kepada tajuk *Kesultanan Melayu Melaka* dalam mata pelajaran Sejarah, dan pembelajaran berbalik hanya dijalankan selama lapan pertemuan dengan kumpulan rawatan. Kajian ini juga tidak menilai faktor motivasi murid secara mendalam atau penerapan strategi pengajaran interaktif di dalam kelas. Untuk kajian masa depan, disarankan melibatkan populasi lebih besar dengan demografi berbeza, meneroka keberkesanan pembelajaran berbalik dalam pelbagai mata pelajaran, serta penggunaan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) atau realiti maya (VR) untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran. Kajian longitudinal juga disarankan untuk menilai kesan jangka panjang pembelajaran berbalik terhadap kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis dan kolaborasi. Dengan penambahbaikan ini, pembelajaran berbalik dapat dioptimumkan sebagai pendekatan pendidikan yang menyeluruh.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini telah dijalankan dengan mematuhi garis panduan etika yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Penulis juga telah memperoleh kelulusan etika daripada institusi pengajian serta mendapatkan kebenaran bertulis daripada sampel kajian sebelum kajian dijalankan, memandangkan kajian ini melibatkan subjek manusia.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Anuar Ahmad selaku penyelia atas bimbingan, nasihat, dan sokongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua responden yang sudi meluangkan masa dan memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini dilaksanakan sepenuhnya dengan pembiayaan sendiri tanpa menerima sebarang tajaan atau sokongan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada konflik kepentingan yang timbul dalam pelaksanaan, penulisan, atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abeysekera, L., & Dawson, P. (2015). Motivation and cognitive load in the flipped classroom: Definition, rationale and a call for research. *Higher Education Research & Development*, *34*(1), 1-14. https://doi.org/10.1080/07294360.2014.934336

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Abdullah, M. Z., & Idris, M. R. (2019). Kesan Pembelajaran Pembelajaran berbalik Terhadap Sikap bagi Penyelesaian Masalah bagi Algebra. *Jurnal Kurikulum & Pengajian Asia Pasifik, 7*(4), 1-10.

Ainullah, E., Yuli, R., & Bramianto, S. (2021). Systematic literature review: Improving self-regulated learning through the pembelajaran berbalik model based on interactive e-books. *Jurnal Basicedu, 5*(4), 2541–2549.

Aljaraideh, Y. (2019). Students' perception of flipped classroom: A case study for private universities in Jordan. *Journal of Technology and Science Education, 9*(3), 368-377. https://doi.org/10.3926/jotse.648

Anugrah, I., & Moch, N. (2021). Pembelajaran berbalik helps the learning in the times of covid-19 era? *Jurnal Teknologi Pendidikan, 22*(3), 151-158.

Bahador, Z., Saidon, M. K., & Ibrahim, I. (2019). Penggunaan Kaedah Pengajaran Flipped Classroom dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Matematik Tingkatan 4. *Proceedings of The ICECRS, 3*. https://doi.org/10.21070/icecrs.v3i0.137

Bergmann, J., & Sams, A. (2019). *Flip your classroom: Reach every student in every class every day*. Washington, DC: International Society for Technology in Education.

Chua, Y. P. (2021). *Asas Statistik Penyelidikan*. McGraw-Hill Education.

Erdogan, E., & Akbaba, B. (2018). Should we flip the social studies classrooms? The opinions of social studies teacher candidates on flipped classroom. *Journal of Education and Learning, 7*(1), 116-124. https://doi.org/10.5539/jel.v7n1p116

Houstan, K. (2020). *The flipped classroom's impact on math anxiety, self-efficacy, and motivation at the middle school level*. (Tesis Doktor Falsafah, Cabrini University). https://www.proquest.com/openview/4ed7554a36890242e159d037557330af/1?pq-origsite=gscholar&cbl=51922&diss=y

Ibrahim, R., Nasri, N. M., & Ibrahim, R. (2021). Kesediaan murid sekolah menengah terhadap penggunaan pembelajaran berbalik dalam mata pelajaran Ekonomi. *Jurnal Dunia Pendidikan, 3*(1), 148-160.

Litster, K., Macdonald, B. L., & Shumway, J. F. (2020). Experiencing active mathematics learning: Meeting the expectations for teaching and learning in mathematics classrooms. *Mathematics Enthusiast, 17*(2–3), 615–640.

Lo, C. K., & Hew, K. F. (2021). A critical review of pembelajaran berbalik challenges in K-12 education: Possible solutions and recommendations for future research. *Research and Practice in Technology Enhanced Learning, 12*(4), 1-22

Loh, M. W., & Ahmad, A. R. (2022). Keberkesanan kaedah flipped classroom terhadap amalan pemikiran aras tinggi murid bagi mata pelajaran Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3), e001322. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1322

Kaviza, M. (2018). Penggunaan sumber sejarah sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Sejarah: Adakah murid sudah bersedia untuk meneroka?, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, *3*(5), 41-47. https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i5.147

Kaviza, M. (2019). Kesan kaedah pembelajaran berbalik dengan teknik peer instruction terhadap kemahiran berfikir kritis. *Journal of Social Science and Humanities, 16*(5), 1-12.

Masri, M. F., & Mahamod, Z. (2020). Keberkesanan kaedah flipped classroom dalam meningkatkan kemahiran mengolah isi karangan murid-murid sekolah rendah: Effectiveness of flipped classroom method in improving the writing skills of primary school pupils. *Journal of Borneo Social Transformation Studies, 6*(1), 189-203. https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2803

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Mohsin, N., Halili, S. T., & Razak, R. A. (2021). Persepsi penglibatan pelajar dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran berbalik secara mobile. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 9*(2), 26-33.

Mokhtar, F. A., & Zubairi, A. M. (2020). The implementation of pembelajaran berbalik in teaching history: A systematic review. *Journal of Research in Humanities and Social Science, 8*(7), 34-41.

Muda, K., Mohd Tohar, S. N. A., Mastor, K. A. @ J., Muslim, N., Idris, F., & Yacob, S. N. B (2023). Pembangunan dan pengesahan instrumen pengetahuan, sikap dan penghayatan terhadap unsur tradisi dalam perlembagaan persekutuan. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 31*(1), 183–202.

Nuriyah, L. (2022). Using the pembelajaran berbalik model to enhance English speaking skills through digital storytelling. *Jurnal Visi Ilmu Pendidikan, 15*(1), 10-18.

O'Flaherty, J., & Phillips, C. (2019). The use of pembelajaran berbalik in higher education: A scoping review. *Internet and Higher Education, 25*, 85-95.

Paramita, Y., & Yenshart. (2020). Penggunaan media PowerPoint dalam pembelajaran musik tradisional di SMP Negeri 1 Bukit Tinggi. *E-jurnal Sendra Tasik, 10*(1), 326-336.

Piaw, C. Y. (2020). *Master research method* (3rd ed.). McGraw-Hill.

Putri, N. A., Siburian, J., & Sadikin, A. (2022). Independence and cognitive learning outcomes of students with the pembelajaran berbalik learning model. *Jurnal Pembelajaran Dan Biologi Nukleus, 8*(3), 558-570.

Shaari, A. S. (2022). *Kaedah penyelidikan pendidikan kuantitatif*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Shanmuganathan, S., & Ahmad, A. (2023). Perspektif murid sekolah rendah terhadap kaedah pengajaran flipped classroom dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan, 5*(2), 73-82.

Yap, L. L., & Yasin, R. M. (2019). Keberkesanan modul flipped classroom terhadap pencapaian bahasa Jerman dan keterlibatan pelajar. *International Journal of Humanities, 2*(8), 249-265.

Yusof, M. A., & Maat, S. M. (2022). Kesediaan murid tahun satu dalam mengikuti pembelajaran matematik secara kelas berbalik. *Journal of Social Sciences and Humanities, 7*(7).

© 2025 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).